

22 JUL 2003

Syed Hamid-Air/I

BOLA KINI DI KAKI S'PURA, KATA SYED HAMID

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata pintu rundingan masih terbuka kepada Singapura untuk menyelesaikan krisis perjanjian air antara republik itu dengan Malaysia.

Katanya, Malaysia sedia untuk berunding dan kini terpulang kepada Singapura mengambil langkah seterusnya.

"Saya rasa bola terletak di kaki Singapura sekarang. Terpulang kepada mereka untuk membuat apa yang patut. Kita pernah berkata bahawa kita tidak menutup pintu untuk rundingan.

"Jika Singapura ingin melakukannya, mereka boleh berhubung dengan kita dan kita sedia untuk duduk bersama dengan mereka," katanya semasa mengulas siri penerbitan iklan dan buku oleh kerajaan bagi memperbetulkan anggapan salah dan dakwaan Singapura mengenai rundingan air yang terbantut.

Syed Hamid berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatannya dari Korea Selatan, Yoon Young-Kwan, di Wisma Putra di sini.

Buku setebal 20 halaman itu berjudul "Air: Pertikaian Singapura-Malaysia - Fakta-Fakta" diterbitkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bagi menjelaskan perkara sebenar terhadap dakwaan yang tersiar dalam penerbitan Singapura bertajuk: "Water Talks? If Only It Could."

Buku terbitan Malaysia itu mula dijual di pasaran semalam dengan harga tiga sen senaskah, sambil menghuraikan bahawa punca krisis adalah kerana Singapura membayar Malaysia tiga sen untuk setiap 1,000 gelen air mentah yang dibelinya.

Menurut buku itu, apa yang Malaysia harapkan ialah harga dan urus niaga yang berpatutan.

Syed Hamid menjelaskan bahawa sementara perkara itu belum diselesaikan, namun Malaysia tetap membekalkan air kepada Singapura sebagai jiran yang bertimbang rasa.

"Jangan kita berbahasa retorik dan cuba menyalahkan antara satu sama lain. Biar kita melihat situasi sebenar dan menyelesaikan isu secara serius dan ikhlas," katanya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Myanmar menghadapi risiko disingkirkan daripada Asean jika rejimnya enggan membebaskan pemimpin prodemokrasi Aung San Suu Kyi, perlu dilihat sebagai "peringatan daripada seorang sahabat yang baik."

"Kita bercakap secara terbuka tentang satu rakan negara Asean bukan secara konfrontasi tetapi bagi memastikan Myanmar mengambil kira pandangan masyarakat antarabangsa.

"Adalah lebih baik mendapat pujukan dalaman daripada tekanan luar yang kuat yang boleh memaksa mereka menjurus ke situasi yang lebih sukar," katanya.

Syed Hamid berkata adalah penting bagi kerajaan Myanmar menetapkan tarikh pembebasan Suu Kyi dan meneruskan proses penyatuan di negara itu.

Berhubung perbincangannya dengan Yoon, beliau berkata mereka bertukar-tukar pendapat mengenai isu seperti situasi di semenanjung Korea, Palestin dan Iraq.

Beliau berkata bahawa Korea Selatan ingin mahu melihat isu nuklear di Korea Utara diselesaikan secara damai dan bukan melalui sebarang ancaman menukar rejim.

-- BERNAMA
MAM DC MAI